

**Kota Kinabalu:** Pasukan Futsal Wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul johan acara futsal pada Kejuaraan Sukan Staf antara Universiti Malaysia (SUKUM) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor.

Pasukan itu menewaskan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 5-0. Tiga gol berjaya dijelmakan melalui pemain berbisu, Mastura Majid manakala dua gol lagi dihasilkan melalui penyerang sensasi, Shereilynn Elly Pius.

Kejayaan itu disifatkan satu pencapaian bersejarah buat pasukan UMS apabila berjaya memecahkan benteng penguasaan UniMAP yang sebelum ini menjadi juara bertahan tujuh tahun berturut-turut.

Lebih manis, Mastura turut dinobatkan sebagai penjaring terbanyak kejohanan tersebut.

#### **Tewaskan tuan rumah**

Futsal wanita UMS kali ini berada di bawah pimpinan Ketua Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraf Fong Abdullah dan Rosmaidy Wasli selain Pengurus Pasukan, Sari-anshah Shamsudin.

Pada peringkat separuh akhir, UMS menewaskan pasukan tuan rumah dengan jaringan 4-0 pada untuk berhadapan dengan UniMAP yang menyingkirkan Universiti Tun Hussein Onn



Futsal UMS meraikan kemenangan sebagai juara futsal Sukum 2014

# UMS benam juara bertahan

Malaysia (UTHM).

Mohd Asyraf berkata, pasukan futsal wanita UMS terlebih dulu mencatatkan kemenangan 3-1 ke atas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada perlawanan pembukaan.

Beliau yang juga jurulatih pasukan itu berkata, UMS turut membenam UniMAP 5-0 pada perlawanan awal pada peringkat kumpulan.

